

14 MAY 1996

MANILA NAK SALUR INSENTIF KEPADA KONTRAKTOR KECIL M'SIA

MANILA, 14 Mei (Bernama) -- Filipina akan menyalurkan insentif kepada kontraktrok kecil kereta buatan Malaysia, Proton Wira, yang berhasrat memindahkan operasi mereka ke sini, menurut para pegawai hari ini.

Lembaga Pelaburan (BOI) memberi jaminan demikian sebagai menjawab pertanyaan dari Proton Pilipinas Corp (PPC), syarikat pemasang Filipina bagi kereta Malaysia itu.

PPC yang ditubuhkan pada tahun 1994, adalah usaha saham antara Perusahaan Otomobil Nasional Bhd yang berpangkalan di Kuala Lumpur dan Autocorp dari Manila.

Para pegawai BOI memberitahu Bernama bahawa PPC merancang untuk membawa masuk beberapa pembekal alat-alat ganti Proton dari Malaysia tahun ini dan ingin mengetahui apakah insentif-insentif yang disediakan kepada mereka oleh kerajaan.

Pembekal-pembekal termasuklah yang mengeluarkan kelompok-kelompok kelengkapan, kabel kawalan, penggera dan sistem kawalan jarak jauh, getah skrin tingkap, alat pengunci pusat dan alat-alat ganti yang lain.

PPC, menerusi firma induk Malaysiannya, pada peringkat permulaan, akan memindahkan 15 pembekal alat-alat ganti Proton dan bilangannya akan ditambah menjadi 60 apabila operasi pemasangan dijalankan sepenuhnya.

Ia menjangka pembinaan kilang pembuatan dan pemasangan yang menelan belanja 2.0 bilion pesos (RM200 juta) akan disiapkan tahun ini di Alaminos, Pangasinan, 200 km ke utara Manila.

Kilang itu yang telah dilancarkan pada 1994 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Filipina ketika itu, akan memasang 11,000 unit Proton Wira setahun bagi pasaran Filipina dan juga pasaran eksport.

Para pegawai BOI berkata para pengeluar alat-alat ganti auto layak mendapat "insentif perintis" asalkan mereka membawa masuk teknologi baru.

Insentif-insentif tersebut termasuk pengecualian cukai selama enam tahun atau import duti sebanyak tiga peratus terhadap kelengkapan modal, di samping insentif-insentif fiskal mahupun bukan fiskal yang lain.

Sekiranya projek terbabit bukan berbentuk perintis, maka pembekal-pembekal masih layak mendapatkan insentif seperti pengecualian cukai empat tahun di samping konsesi-konsesi yang lain.

Sementara itu, BOI membenarkan PPC memasang kenderaan mewah yang lain seperti Audi untuk pasaran tempatan dan juga eksport. -- BERNAMA

AJL MA SIA